

# SOALAN LAZIM

## PEMBUNGKUSAN

### 1. Berapakah ukuran atau dimensi bahagian luar kotak CoronaVac?

Dimensi karton luar (kotak dengan 40 vial) Sinovac adalah 156mm x 95mm x 44mm (LxWxH).

Maklumat tambahan : Kod bar yang terdapat pada atas kotak adalah Vaccine Management System (VMS) kod – yang dikeluarkan oleh MIMOS Malaysia – sebuah agensi kerajaan berkaitan IT, R&D dan teknologi. Setiap kotak mempunyai kod VMS yang berbeza.

### 2. Berapakah kandungan yang ada di dalam setiap vial?

Setiap vial CoronaVac mengandungi:

- 1 dos vial : 0.57 – 0.67ml
- 2 dos vial : 1.22 – 1.28ml

### 3. Adakah CoronaVac dibekalkan dalam bentuk 'prefilled syringes'?

Bentuk dosej yang berdaftar di Malaysia bagi CoronaVac dibekalkan adalah dalam bentuk vial 1 dos dan 2 dos dan bukan dalam bentuk 'prefilled syringes'.

### 4. Adakah CoronaVac dibekalkan dalam vial berwarna amber?

CoronaVac dibekalkan dalam vial lutsinar dan perlu dilindungi daripada cahaya matahari.

## PENGUNAAN

### 1. Apabila vaksin dimasukkan ke dalam picagari, berapa lamakah ia boleh bertahan?

Seperti maklumat yang terdapat di dalam sisip bungkusan CoronaVac, vaksin yang telah dimasukkan ke dalam picagari perlu digunakan serta-merta.

### 2. Jika ada situasi yang tidak dapat dielakkan di mana administrasi tidak dapat dilakukan serta-merta, berapa lama vaksin di dalam picagari tersebut dapat bertahan?

Setakat ini, tiada data yang dapat menyokong kestabilan vaksin yang telah berada di dalam picagari. Adalah disarankan agar pemberi dan penerima vaksin telah bersedia sebelum vaksin dimasukkan ke dalam picagari.

### 3. Bagaimana cara untuk menggongcang vial sebelum digunakan? Adakah boleh menggongangkan seperti biasa ataupun hanya boleh digongangkan secara perlahan sahaja?

Vial perlu digongangkan secara perlahan untuk mlarutkan mendakan. Setelah larut, vaksin boleh terus digunakan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada sisip bungkusan CoronaVac.

### 4. Apakah yang dimaksudkan oleh kenyataan 'Semasa membuka vial, jangan dedahkan vaksin kepada bahan disinfeksi' di dalam sisip bungkusan CoronaVac?

Kenyataan ini merujuk kepada amalan nyahkuman (disinfeksi) pada bahagian atas vial sebelum tusukan jarum picagari. Jika amalan nyahkuman (disinfeksi) menggunakan alkohol dilakukan di bahagian atas vial, pastikan bahan disinfeksi telah meruap sebelum tusukan jarum.

### 5. Bolehkah CoronaVac digunakan terus selepas dikeluarkan daripada tempat simpanan ataupun ada tempoh masa yang ditetapkan sebelum digunakan?

Ya, CoronaVac boleh terus digunakan selepas dikeluarkan daripada tempat simpanan pada suhu 2-8°C.

### 6. Jika vial CoronaVac (belum dibuka) telah terdedah pada suhu bilik, adakah vial tersebut boleh disimpan semula pada suhu 2-8°C?

CoronaVac mestilah sentiasa disimpan pada suhu 2-8°C seperti dinyatakan di dalam sisip bungkusan produk.

Bagi CoronaVac yang dikilangkan oleh Sinovac Life Sciences Co. Ltd. (1 dos dan 2 dos), kajian stabiliti pada suhu 25°C & 37°C telah dilakukan dan keputusan kajian mendapati produk adalah stabil:

- 25°C : produk stabil selama 42 hari
- 37°C : produk stabil selama 21 hari

Jika vial telah terdedah pada suhu bilik **tidak melebihi tempoh di atas**, ianya boleh disimpan semula pada suhu 2-8°C.

Data kestabilan untuk produk *fill and finish* dari Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. masih dalam kajian untuk suhu penyimpanan 25°C dan 37°C.

### 7. Untuk vial dalam bentuk multi dos (2 dos), berapa lamakah vaksin tersebut boleh disimpan setelah pengekstrakan dos pertama?

Adalah disarankan agar administrasi vaksin dilakukan dengan segera, sejurus pengekstrakan. Jika berlaku situasi di mana proses administrasi dos ke 2 tidak dapat dilakukan segera, vaksin tersebut adalah stabil pada kondisi yang berikut:

- 24 jam pada suhu 2°C - 8°C setelah dos pertama digunakan
- 4 jam pada suhu 37°C setelah dos pertama digunakan

Buang vaksin yang tidak digunakan jika ianya tidak disimpan dalam keadaan yang telah disyorkan.

## PEMILIHAN JENAMA

### Bolehkah saya memilih jenama vaksin / waktu semasa program vaksinasi nanti?

Vaksin yang akan diterima oleh seseorang individu akan ditentukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sebaik sahaja anda telah mendaftar untuk menerima vaksin melalui aplikasi MySejahtera, anda akan dihubungi oleh pihak KKM bagi maklumat masa vaksinasi yang telah ditetapkan. Sila rujuk kepada aplikasi MySejahtera untuk maklumat lanjut.

## SEKTOR SWASTA

### Adakah CoronaVac akan diagihkan ke hospital / klinik swasta?

Ya, CoronaVac boleh dibekalkan ke hospital / klinik swasta.

Sebarang pertanyaan dari pelanggan sektor swasta boleh diajukan kepada Pn. Ida Marianna Abdul Rashid, Pengarah Perancangan Strategik melalui emel [ida.rashid@pharmaniaga.com](mailto:id.a.rashid@pharmaniaga.com)

## KAD PERINGATAN VAKSIN

### Bolehkah Pharmaniaga membekalkan tambahan kad peringatan vaksin?

Kad Vaksinasi tambahan tidak akan diberikan. Ini adalah selaras dengan arahan daripada pihak Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi (BAPF), Program Perkhidmatan Farmasi.

Jika terdapat keperluan, PTJ perlu mengemukakan permohonan rasmi melalui emel bersama justifikasi kepada [contactcentre@pharmaniaga.com](mailto:contactcentre@pharmaniaga.com) dan disalinkan kepada [pharmacycovid19@moh.gov.my](mailto:pharmacycovid19@moh.gov.my)

### Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang <http://pharmaniaga.com> – COVID-19 VACCINE

Atau hubungi kami melalui:

Talian bebas tol: 1800-888-313  
Emel: [contactcentre@pharmaniaga.com](mailto:contactcentre@pharmaniaga.com)

Rujukan :

- Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
- <http://vaksincovid.gov.my>
- Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV)
- CoronaVac Package Insert (PI)
- Risalah Maklumat Perubatan Pengguna Coronavac
- Data Regulatori CoronaVac